Oleh Norfatimah Ahmad, Syuhada Choo Abdullah, Hardi Effendi Yaacob, Nazura Ngah, Shaarani Ismail, Norakmah Mat Youb dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bharian.com.my

B/H 3/4/12. MB

44,000 isi rumah bebas miskin tegar

RM500j diperuntuk bagi program 1AZAM tingkat kualiti hidup rakyat

KUALA LUMPUR: Usaha kerajaan memperbaiki taraf hidupan rakyat di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) berjaya meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-61 daripada 185 negara Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNPD) menerusi Laporan Pembangunan Manusia (HDR 2011).

Antara kejayaan dan inisiatif adalah mengeluarkan 44,000 isi rumah daripada kemiskinan tegar, RM500 juta diperuntukkan bagi program 1AZAM yang memberi nikmat kepada 47,000 isi rumah dan RM1.4 bilion diperuntukkan setiap tahun untuk bantuan 500,000 penerima bantuan kebajikan menerusi program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA).

Menerusi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mempertingkatkan Taraf kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) itu juga menjadikan Malaysia sebagai negara contoh bagi pengurusan dan pembasmian kemiskinan.

Ia berjaya meningkatkan kualiti hidup rakyat dan mengeluarkan lebih ramai keluarga daripada kemiskinan. Dalam NKRA itu, antara langkah yang dilaksanakan adalah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, di samping program 1AZAM yang bermaksud Akhiri Zaman Miskin.

Menurut Laporan Tahunan GTP 2011, hasil pelbagai program yang dilaksanakan kerajaan, isi rumah yang masih dalam golongan miskin tegar hanya empat peratus saja.

Antara inisiatif menangani isu kemiskinan adalah memperbaiki kebajikan serta mewujudkan potensi bagi memperoleh pendapatan untuk meningkatkan kemapanan golongan berpendapatan rendah.

Program 1AZAM dilaksanakan bagi membebaskan isi rumah berpendapatan rendah daripada kelompok kemiskinan melalui pekerjaan, keusahawanan, aktiviti pertanian dan perkhidmatan. Setakat tahun lalu, sebanyak 63,147 isi rumah, termasuk 12,510 dari Sabah dan 11,401 dari Sarawak sudah menyertai program 1AZAM.

Selain itu, melalui usaha berterusan kerajaan meningkatkan pendapatan, 1,100 usahawan wanita berpendapatan RM3,500 sebulan berjaya dilahirkan tahun lalu, menjadikan 3,100 orang dalam tempoh dua tahun.

Dalam pada itu, kerajaan berjaya menyelesaikan sebanyak 317,359 atau 96 peratus daripada permohonan tertunggak yang berdaftar dalam e-kasih.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menjadi kementerian penerajuan dan penyelaras untuk NKRA berkenaan berazam supaya lebih banyak keluarga berpendapatan rendah dan miskin dapat dikeluarkan daripada belenggu kemiskinan.

INFO

PERUNTUKAN KERAJAAN UNTUK INISIATIF NKRA

		Kos(bilion)
Perumahan	■ Program Bantuan Rumah -Rumah DBKL untuk di jual -SPNB-rumah mesra rakyat dan terbengkalai	1.07
Jalan raya	■ Jalan Persekutuan-membina sambungan utama -Jalan penghubung dalam /luar perkampungan	3.80
Bantuan wang tunai	■ Bantuan sementara wang tunai sebelum program 1Azam memberikan hasil dan mengeluarkan mereka daripada kemiskinan	0.02
Pinjaman dan geran 1 AZAM	■ Aktiviti ekonomi untuk golongan miskin tegar dan isi rumah miskin yang berdaftar dengan sistem e Kasih	0.69
Baucar pra sekolah	■ Baucar yuran pra sekolah untuk kanak-kanak mengikut jumlah yuran yang perlu dibayar	0.01
Rawatan RM1 di Hospital Kerajaan	■ Subsidi hampir 97% untuk penjagaan kesihatan di klinik dan hospital kerajaan.	13.00
Minyak	■ Petrol, diesel dan LPG.	18.99 **Jumlah 37.58**

Sebagai rakyat berpendapatan rendah, saya kini berpeluang memiliki rumah melalui skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)

Wan Zahari Wan Isa
Kakitangan awam dari Kuala Lumpur



Dasar Perdana Menteri ini jelas memberikan banyak kebaikan sehingga taraf hidup rakyat berubah

Omar Redzuan Omar Razian
Dari Seremban, Negeri Sembilan